

MOT Buletin

Edisi 1 · Januari 2019



Amanat KSU 2019: Warga MOT Perlu Berubah

Bermula awal Januari 2019, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah mendapat Ketua Setiausaha yang baru apabila YBrs. Encik Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOT telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha MOT berkuatkuasa pada 7 Januari 2019 bagi menggantikan YBhg Datuk Seri Saripuddin bin Haji Kassim yang bertukar ke Kementerian Wilayah Persekutuan.



Di dalam Majlis Amanat Ketua Setiausaha MOT Tahun 2019 yang telah diadakan pada 24 Januari 2019, YBrs. KSU telah menyampaikan amanatnya supaya semua warga MOT perlu melakukan perubahan kepada yang lebih baik daripada tahun-tahun sebelumnya dalam pelbagai perkara samada dalam menjalan tugas, disiplin, menepati masa dan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada orang awam. Saranan ini dilontarkan oleh YBrs. KSU kerana setiap Penjawat awam adalah membawa imej dan cerminan muka hadapan kerajaan serta merupakan perantara di antara pihak kerajaan dan rakyat dalam menyampaikan perkhidmatan yang disediakan.



Selain daripada itu, sebagai Penjawat Awam, warga MOT juga menggalas tanggungjawab yang berat dan penting demi memastikan pembangunan bangsa dan negara sentiasa berada pada tahap berdaya maju dan lestari, di mana setiap tindakan yang dilaksanakan atau tidak dilaksanakan oleh anggota Perkhidmatan Awam mempunyai kesan langsung terhadap kesejahteraan rakyat dan negara.

Sehubungan dengan itu juga, YBrs. KSU meminta setiap warga MOT untuk menghayati lagu Negaraku serta lagu Perkhidmatan Awam yang dinyanyikan kerana ianya mempunyai maksud yang mendalam berkait dengan amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan kepada Penjawat Awam yang boleh diibaratkan sebagai "intan terpilih".

Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan

Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas Ketua Setiausaha MOT YBhg. Datuk Seri Saripuddin bin Haji Kassim kepada YBrs. Encik Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman telah di adakan pada 7 Januari 2019 (Isnin) jam 2.30 petang bertempat di Bilik Mesyuarat Kemudi, MOT.



Sebelum majlis penyerahan tersebut, YBhg. Datuk Seri Saripuddin bin Haji Kassim telah mengadakan perjumpaan bersama dengan Pengurusan Tertinggi MOT dan juga Ketua Jabatan/Agenzi di bawah MOT bagi menyampaikan amanat terakhir. Majlis penyerahan nota serah tugas ini dilaksanakan kerana YBhg. Datuk Seri Saripuddin bin Haji Kassim telah bertukar ke Kementerian Wilayah Persekutuan dan YBrs. Encik Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman telah dilantik sebagai KSU baru MOT berkuatkuasa 7 Januari 2019.

Warga MOT merakamkan ucapan tahniah kepada YBrs. Encik Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman di atas pelantikan sebagai Ketua Setiausaha MOT dan merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datuk Seri Saripuddin bin Haji Kassim di atas khidmat serta jasa yang telah dicurahkan sepanjang berkhidmat di MOT.

Pengoperasian Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)

Selaras dengan komitmen kerajaan bagi memperkasakan lagi sektor pengangkutan awam darat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah dibubarkan dan digantikan dengan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) berkuatkuasa pada 1 Januari 2019 yang akan melaksanakan fungsi-fungsi, dasar dan pembangunan di bawah Akta 715 (Akta Pengangkutan Awam Darat 2010).



Sehubungan itu, semua perkhidmatan perlesenan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) telah memulakan operasinya pada 7 Januari 2019, di mana kaunter-kaunter bagi proses permohonan dan pelesenan kenderaan komersil oleh APAD telah mula dilaksanakan pada tarikh tersebut di kaunter-kaunter pejabat APAD di Kelana Jaya, Johor Bahru, Kuala Terengganu, Pulau Pinang dan kaunter-kaunter APAD yang disediakan di pejabat-pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) negeri Semenanjung Malaysia. Semua permohonan berkaitan lesen pengendali yang telah dan akan diterima juga telah diproses oleh APAD mulai tarikh tersebut.

Dalam hubungan ini juga, Encik Azlan Shah Parames bin Albakri, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) APAD telah dilantik untuk melaksanakan fungsi, tanggungjawab dan kuasa Ketua Pengarah APAD seperti diperuntukkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) mula 3 Januari 2019 sehingga ke satu tarikh di mana jawatan berkenaan diisi secara hakiki kelak.

YB Menteri Pengangkutan, Loke Siew Fook telah mengadakan lawatan kerja ke APAD Wilayah Tengah di Kelana Jaya, Selangor pada 25 Januari 2019 bagi meninjau dan melihat sendiri operasi yang telah dilaksanakan oleh APAD selepas pengoperasianya. Semasa Lawatan tersebut, YB Menteri Pengangkutan telah memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan (MOT) memberi jaminan bahawa semua bekas kakitangan APAD akan di tawarkan pekerjaan semula sama ada dalam agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), MOT, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan/Agenzi di Bawah MOT dan Syarikat berkaitan kerajaan (GLC).



Pelancaran Ops Bersepadu dan Kempen Keselamatan Jalan Raya 2019 Peringkat Kebangsaan

Bersempena dengan sambutan Tahun Baru Cina 2019, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) telah melancarkan Ops Bersepadu dan Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kebangsaan yang bertemakan "Pandu cermat, sampai selamat", merangkumi empat program utama iaitu pendidikan, penguatkuasaan, pencegahan bersekali dengan pemantauan dan penilaian.

Majlis pelancaran telah diadakan pada 29 Januari 2019 bertempat di kawasan Rehat dan Rawat Dengkil (arah Selatan), yang telah dilancarkan dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia dan turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, YBrs Encik Mohd Khairul Adib bin Abdul Rahman, Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalanraya (JKJR), Datuk Rosli bin Isa dan Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Raya (JPJ), Datuk Seri Shaharuddin bin Khalid.

Operasi Ops Bersepadu pada kali ini bermula pada 29 Januari 2019 sehingga 12 Februari 2019 di mana ia akan melibatkan kira-kira 10,000 pegawai dan anggota penguatkuasa termasuk 6,040 orang daripada Polis Di Raja Malaysia (PDRM), 1,800 orang daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), 150 daripada Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Jabatan serta agensi sokongan lain yang akan bertugas sepanjang masa dalam tempoh Ops Bersepadu ini untuk memastikan keselamatan dan kelancaran trafik pengguna jalanraya.



LANGKAWI INTERNATIONAL MARITIME AND AEROSPACE EXHIBITION

26 - 30 March 2019

Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC) Langkawi

Kementerian Pengangkutan Malaysia

No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4, 62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Tel. : 03 8000 8000 • Faks : 03 8888 0158 • E-mel : aduan@mot.gov.my



motmalaysia



ministryoftransportmy